

Tarikan baharu landskap pelancongan negeri

Mungkin jika ditanya apakah yang menarik ditawarkan oleh Muzium Feri Pulau Pinang selain imbauan kenangan, jawapannya adalah bahan dan artifak yang dipamerkan bukan replika.

Sebaliknya ia adalah asli yang dikumpul daripada feri Pulau Pinang serta beberapa feri lama lain yang sudah dilupuskan atau tenggelam. Keaslian koleksi ini menjadikan muzium terapung itu bukan sekadar ruang pameran, sebaliknya sebuah dokumentasi hidup merakam sejarah pengangkutan laut yang pernah menjadi nadi perhubungan Pulau Pinang.

Terletak di Pengkalan Weld, George Town, Muzium Feri Pulau Pinang beroperasi di atas sebuah feri ikonik yang telah dipulihkan sepenuhnya. Struktur feri yang suatu ketika dahulu menghubungkan pulau dan tanah besar kini diberi nafas baharu sebagai ruang pendidikan awam dan tarikan pelancongan warisan.

Pengarah Muzium Feri Pulau Pinang, Abdul Hadi Abu Osman, berkata muzium sepanjang hampir 60 meter dengan keluasan kira-kira 600 meter persegi itu mampu memuatkan sehingga 150 pengunjung pada satu-satu masa. Setiap sesi lawatan dianggarkan mengambil tempoh kira-kira satu jam dan berpotensi menarik sehingga 2,000 pengunjung sehari.

"Feri ini menjalani proses panjang bagi renovasi dan dijadikan muzium bermula pada awal 2022 selepas menerima tender yang dikeluarkan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) setahun sebelumnya. "Kerja pemuliharaan akhirnya siap



pada tahun lalu, namun feri ini mengalami kerosakan apabila tenggelam akibat masalah teknikal.

"Kerja restorasi dan baik pulih yang dibelanjakan membabitkan kos sebanyak RM7 juta namun berikutan kejadian itu, ia meningkat sehingga RM10 juta," katanya.

Kata Abdul Hadi, insiden berkenaan menjadi ujian besar terhadap usaha pemuliharaan, namun kerja baik pulih diteruskan sehingga muzium itu akhirnya dapat dibuka kepada orang ramai.


Justeru, aspek keselamatan menjadi keutamaan dalam pembangunan muzium ini. Sistem keselamatan feri dipertingkatkan dengan pemasangan konkrit marin, sensor amaran awal serta pam automatik bagi mengelakkan risiko kebocoran.

Langkah itu katanya, diambil bagi memastikan keselamatan pengunjung

Replika fungsi operasi feri suatu ketika dahulu.

Pengunjung boleh merasai sendiri pengalaman berada di kabin feri.

Antara peralatan feri yang terdapat di Muzium Feri Pulau Pinang.



serta ketahanan struktur feri dalam jangka panjang.

"Muzium ini diwujudkan sebagai satu usaha memelihara sejarah pengangkutan feri yang ikonik di Pulau Pinang.

"Ia sekali gus memberi peluang kepada generasi kini dan akan datang bagi memahami serta menghargai warisan maritim negara," katanya.

Tarikan pelancong

Muzium Feri Pulau Pinang, yang turut dikenali sebagai Muzium Feri Penumpang pertama di dunia, kini muncul sebagai tarikan baharu dalam landskap pelancongan negeri. Kunjungan penulis ke muzium berkenaan baru-baru ini, memberikan gambaran jelas mengenai usaha memulihara feri lama sebagai ruang pameran sejarah dan pendidikan awam.

Lawatan bermula di aras dua yang menempatkan sejarah awal perkhidmatan pengangkutan awam laut Pulau Pinang sejak tahun 1893.

Pameran di aras ini disusun secara kronologi, memperlihatkan perkembangan perkhidmatan feri seiring dengan perubahan sosioekonomi serta keperluan masyarakat setempat dari satu era ke satu era yang lain.

Di aras sama, pengunjung dipertemukan dengan 16 replika feri, termasuk sebuah prototaip Feri Pulau Pinang lengkap dengan maklumat tempoh perkhidmatannya. Antara replika yang dipamerkan ialah Feri Lidah, Feri Pulau Undan, Feri Pulau Rawa, Feri Pulau Aman, Feri Pulau Langkawi, Feri Pulau Talang-talang dan Feri Pulau Rimau. Setiap replika membawa cerita tersendiri tentang laluan, fungsi dan peranan feri dalam sejarah pengangkutan laut negara.



Abdul Hadi Abu Osman